

Nelayan Pantai Timur berhimpun

SH 17/7/2019 m/s 9

**Desak kerajaan
selesai masalah lesen
terpakai vesel,
peralatan haram**

KUALA LUMPUR

Lebih 500 nelayan dari Pantai Timur berhimpun secara aman di hadapan bangunan Parlimen semalam bagi mendesak kerajaan mengatasi beberapa permasalahan mereka.

Ketua wakil nelayan Pantai Timur, Bahiyuddin Awang @ Harun berkata, ini termasuk penyalahgunaan lesen terpakai zon C2.

"Kami mendesak kerajaan tarik balik lesen-lesen C2 bot terpakai yang pernah dikeluarkan. Timbul masalah apabila rakyat Malaysia sendiri yang sewa lesen itu kepada nelayan dari Vietnam.

"Yang jadi mangsanya ialah rakyat dan negara. Sebab itu kita sekeras-kerasnya membantah dan pergi ke Parlimen hari ini (semalam) untuk memohon Kementerian Pertanian dan Industri Asas



Abdul Hadi (tiga dari kiri) bersama nelayan Pantai Timur yang menuntut kerajaan menyelesaikan masalah mereka pada perhimpunan aman di pekarangan bangunan Parlimen semalam.

Tani membatalkan lesen C2 yang diberi kepada nelayan luar," katanya kepada pemberita ketika ditemui semalam.

Selain itu katanya, mereka juga mahu kerajaan menyelesaikan masalah penggunaan peralatan haram oleh nelayan Vietnam.

"Nelayan kita gunakan pukut tunda ganding, tetapi bila datang nelayan Vietnam mereka sewe-

nanng-wenangnyanya guna peralatan yang diharamkan di negara kita.

"Kesannya sudah tentu kepada ekosistem apabila semua terumbu karang dan tempat pembiakan ikan rosak," katanya.

Pada himpunan itu, wakil kumpulan nelayan menyerahkan memorandum kepada ahli-ahli Parlimen pembangkang yang diwakili Ahli Parlimen Marang,

Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Menurut Abdul Hadi, kerajaan perlu memandang serius isu berkenaan yang bukan saja menjejaskan pendapatan nelayan tetapi mengancam alam sekitar.

Beberapa orang wakil nelayan kemudian menyerahkan memorandum serta mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.